



KENYATAAN MEDIA

Bil. 28 / 2023

PENGELUARAN KERTAS UNDI POS BAGI PILIHAN RAYA KECIL (PRK) PARLIMEN P.161 PULAI DAN DEWAN NEGERI N.13 SIMPANG JERAM, JOHOR

1. Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPR) telah mengeluarkan sebanyak **304 kertas undi pos** kepada yang berhak untuk mengundi secara pos bagi PRK Parlimen P.161 Pulai dan Dewan Negeri N.13 Simpang Jeram, Johor. Pengeluaran kertas undi pos pada **28 Ogos 2023 (Isnin)** adalah oleh Petugas Pilihan Raya di Parlimen P.161 Pulai dan Dewan Negeri N.13 Simpang Jeram, Johor.
2. Bagi PRK Parlimen P.161 Pulai sebanyak 226 kertas undi pos telah dikeluarkan yang terdiri daripada **172 Kategori 1A** (Petugas Pilihan Raya, Ahli/Pegawai SPR, Anggota Polis, Anggota Tentera, dan Petugas Media), **22 undi pos bagi Kategori 1B** (warganegara Malaysia yang berada di luar negara), **enam (6) Kategori 1C** (Agensi dan Organisasi) serta **26 Pengundi Tidak Hadir (PTH) Luar Negara**.
3. Manakala bagi PRK Dewan Negeri N.13 Simpang Jeram, Johor, sebanyak **78 kertas undi pos** dikeluarkan yang terdiri daripada **62 Kategori 1A**, **10 undi pos bagi Kategori 1B** dan **enam (6) Pengundi Tidak Hadir (PTH) Luar Negara**.

4. Proses pengeluaran kertas undi pos ini dijalankan dengan kehadiran **ejen undi pos daripada semua calon yang bertanding.**

5. SPR mengingatkan kepada semua pengundi pos supaya membuat penandaan pada kertas undi, mengisi dengan lengkap dan betul borang Perisytiharan Identiti (Borang 2) serta segera mengembalikannya kepada Pegawai Pengurus berkenaan **sebelum pukul 5.00 petang** pada Hari Mengundi iaitu pada **9 September 2023 (Sabtu).**

6. Pengundi juga diingatkan agar sentiasa **menjaga kerahsiaan undi** masing-masing dengan tidak merakam gambar kertas undi pos dan menularkannya di laman media sosial.

Sekian, terima kasih.

DATO' INDERA IKMALRUDIN ISHAK

Setiausaha

Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia

29 Ogos 2023 / 12 Safar 1445H